



## Malaysia jadi tuan rumah CAPAM 2016

KUALA LUMPUR: Malaysia sekali lagi akan menjadi tuan rumah Persidangan Dwi Tahunan Pertubuhan Komanwel bagi Pentadbiran Awam dan Pengurusan (CAPAM) yang akan berlangsung di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya selama tiga hari, mulai 18 Ogos ini. Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Dr Ali Hamsa yang juga Presiden CAPAM berkata, persidangan kali ini adalah unik kerana penganjurannya serentak dengan Minggu Antarabangsa Strategi Lautan Biru Kebangsaan dari 14 hingga 20 Ogos. "Malaysia sekali lagi diberi kepercayaan untuk menjadi tuan rumah CAPAM setelah sebuah negara lain yang sepatutnya menjadi tuan rumah terpaksa menolaknya atas sebab-sebab tertentu. "Pada persidangan ini kita juga akan memilih presiden yang baharu," katanya dalam temubual dengan Bernama dan RTM.

Beliau berkata Setiausaha Agung Komanwel, Baroness Patricia Scotland juga telah mengesahkan kehadirannya ke persidangan yang bertemakan 'Inovasi: Suatu Kemestian Dalam Perkhidmatan Awam'. Ali berkata antara kemuncak persidangan CAPAM kali ke-12 ini ialah pelancaran portal CAPAM SmartGov Online. Juga dikenali sebagai 'pakar pentadbiran awam digital', portal pangkalan data tersebut akan menjadi sumber rujukan kepada penjawat awam di seluruh dunia untuk membuat penyelidikan berkaitan amalan pentadbiran terbaik, tadbir urus baik dan inovasi dari negara lain. Selain itu, portal itu juga akan berfungsi sebagai satu jaringan dalam kalangan pakar pentadbiran awam seluruh dunia. Dalam pada itu, beliau berkata tiga pencalonan daripada Malaysia iaitu dua daripada kerajaan negeri Sarawak dan satu dari Jabatan Pendaftaran Negara telah berjaya memasuki pencalonan peringkat akhir bagi Anugerah Invosi Antarabangsa CAPAM (AIAC) 2016.

Pemenangnya akan diumumkan pada Majlis Makan Malam Presiden CAPAM pada 20 Ogos. CAPAM ditubuhkan pada tahun 1994 bagi memudahkan perkongsian maklumat dan amalan terbaik pentadbiran awam antara negara Komanwel selain bagi memupuk tadbir urus kerajaan yang baik. Malaysia adalah antara negara perintis yang memainkan peranan dalam penubuhan CAPAM. Malaysia sebelum ini menjadi tuan rumah CAPAM pada tahun 1998 dan 2014.

BERNAMA

Selanjutnya di : <http://www.bharian.com.my/node/178852>